

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa tentang pembentukan keluarga Melayu di kawasan luar bandar dengan tumpuan khas kepada masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah. Dalam menjalankan kajian ini kaedah temubual digunakan iaitu dengan cara menemubual responden secara langsung.

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi ketika membuat kajian ini seperti keengganan beberapa orang responden untuk bekerjasama dengan cara cuba mengelakkan dari menjawab soalan yang sensitif. Sungguhpun demikian kebanyakannya masalah ini dapat diatasi dengan memujuk dan memberi penerangan yang dapat memuaskan hati mereka. Di Bab Pertama ini juga diterangkan tentang tempat kajian dari segi ekonomi penduduknya, infrastruktur kampung dan politik penduduk di situ. Penjelasan tentang konsep keluarga, pembentukan keluarga dan konsep perkahwinan juga diberikan.

Di Bab Kedua dibincangkan tentang proses pembentukan keluarga yang dimulai dengan pemilihan pasangan. Pengaruh hidup moden menyebabkan pemilihan pasangan dibuat sendiri oleh mereka yang hendak berkahwin. Namun begitu ada setengahnya yang masih meletakkan hal pemilihan pasangannya di tangan orang tua masing-masing. Istimadat perkahwinan juga dihuraikan daripada adat merisik sehingga lah pasangan diijabkabulkan.

Dalam Bab Ketiga dibincangkan tentang bentuk-bentuk keluarga yang wujud di kampung kajian. Kemudiannya diberikan huraian tentang

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa tentang pembentukan keluarga Melayu di kawasan luar bandar dengan tumpuan khas kepada masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah. Dalam menjalankan kajian ini kaedah temubual digunakan iaitu dengan cara menemubual responden secara langsung.

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi ketika membuat kajian ini seperti keengganan beberapa orang responden untuk bekerjasama dengan cara cuba mengelakkan dari menjawab soalan yang sensitif. Sungguhpun demikian kebanyakkan masalah ini dapat diatasi dengan memujuk dan memberi penerangan yang dapat memuaskan hati mereka. Di Bab Pertama ini juga diterangkan tentang tempat kajian dari segi ekonomi penduduknya, infrastruktur kampung dan politik penduduk di situ. Penjelasan tentang konsep keluarga, pembentukan keluarga dan konsep perkahwinan juga diberikan.

Di Bab Kedua dibincangkan tentang proses pembentukan keluarga yang dimulai dengan pemilihan pasangan. Pengaruh hidup moden menyebabkan pemilihan pasangan dibuat sendiri oleh mereka yang hendak berkahwin. Namun begitu ada setengahnya yang masih meletakkan hal pemilihan pasangannya di tangan orang tua masing-masing. Istiadat perkahwinan juga dihuraikan daripada adat merisik sehingga lah pasangan diijabkabulkan.

Dalam Bab Ketiga dibincangkan tentang bentuk-bentuk keluarga yang wujud di kampung kajian. Kemudiannya diberikan huraian tentang

hubungan antara anggota keluarga seperti hubungan antara suami dan isteri, hubungan antara bapa dengan anak, hubungan ibu dan anak dan hubungan menantu dan mertua serta hubungan cucu dengan datuk dan nenek. Bab Keempat membincangkan tentang perceraian dan faktor-faktornya.

Bab Kelima menerangkan tentang lingkungan saudara mara di kalangan keluarga Melavu di Kampung Pendkalan Kerian termasuklah saudara dekat, saudara jauh dan saudara angkat. Masyarakat kampung kajian mengamalkan prinsip keturunan kognatik, jadi susurgalur keturunan mereka diberikan serta istilah-istilah yang digunakan untuk setiap individu yang ada hubungan kekeluargaan dengan seseorang itu. Akhir sekali diberikan kesimpulan tentang keseluruhan yang terkandung dalam latihan ilmiah ini.